



**PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI  
SARAWAK**  
TINGKAT 9, 10 & 15  
MENARA PELITA  
JALAN TUN ABDUL RAHMAN YAAKUB  
93050 KUCHING  
SARAWAK

Telefon : 082-13340/31337/313678  
Faks : 082-442355/448308/311296  
Laman Web : <https://sfs.sarawak.gov.my>

*Ruj Tuan :*

*Ruj Kami : SFS/00021/3 SFS-CIRCULARS(P)(16)*

*Tarikh : 1 November 2023*

## **SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI BIL. 15 / 2023**

**Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri  
Semua Residen Bahagian  
Semua Ketua Badan-Badan Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri**

### **TATACARA PELAKSANAAN PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)**

---

#### **1. TUJUAN**

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklum dan menerangkan tentang pelaksanaan Program Kontraktor Berdaya Saing (PKBS) oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri kepada Kementerian / Jabatan / Badan-Badan Berkanun Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan Negeri serta menerangkan tentang kaedah pelaksanaan program ini.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri akan melaksanakan **Program Kontraktor Berdaya Saing (PKBS)** yang bertujuan meningkatkan lagi jumlah kontraktor Bumiputera yang berdaya saing dan mempunyai kepakaran serta kapasiti untuk melaksanakan projek dengan cekap dan berkesan.
- 2.2 Program ini telah diluluskan pelaksanaannya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 8 Jun 2023.

#### **3. OBJEKTIF PROGRAM**

- 3.1 Untuk melahirkan dan membangunkan kontraktor Bumiputera tempatan yang tulen dan berdaya saing dalam sektor pembinaan di Sarawak.

- 3.2 Untuk meningkatkan penglibatan kontraktor Bumiputera selaras dengan polisi sekurang-kurangnya tiga puluh peratus (30%) penglibatan kontraktor Bumiputera dalam perolehan kerja Kerajaan.
- 3.3 Untuk menggalakkan persaingan sihat di kalangan kontraktor Bumiputera yang telah dipilih.
- 3.4 Untuk membangunkan keupayaan dan kompetensi kontraktor Bumiputera melalui program pembangunan khusus dan berstruktur.

#### **4. SKOP PROGRAM**

Melibatkan kontrak kerja pembinaan sahaja yang bernilai dari RM200,000 sehingga RM2.5 juta. Tempoh kontrak kerja yang ditawarkan tidak melebihi lapan belas (18) bulan manakala tempoh penyertaan dalam program ini ialah selama lima (5) tahun.

#### **5. KUMPULAN SASARAN**

Khusus untuk kontraktor Bumiputera Sarawak yang telah berdaftar sekurang-kurangnya dua (2) tahun dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dan memiliki lesen di bawah Bidang Kerja dari Kelas E dan D. Ekuiti atau modal dan keahlian Lembaga Pengarah Syarikat hendaklah 100% Bumiputera.

#### **6. KAEDAH PEROLEHAN**

Kaedah Perolehan yang digunakan untuk pelaksanaan Program Kontraktor Berdaya Saing (PKBS) bagi memastikan projek-projek tersebut dilaksanakan dengan segera, telus dan teratur adalah secara **Tender Terhad** di kalangan kontraktor Bumiputera yang dipilih oleh Agensi Pelaksana dan diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri.

#### **7. MODEL PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING ( PKBS )**

Model pelaksanaan Program ini seperti di **Lampiran A**. Tatacara dan Proses Utama Pelaksanaan Program seperti di **Lampiran A1** manakala Proses dan Tanggungjawab Utama Pelaksanaan Program seperti di **Lampiran A2**.

#### **8. BANTUAN PROGRAM**

Kontraktor yang dipilih untuk menyertai program ini layak untuk memohon bantuan seperti berikut:-

- 8.1 Bantuan pinjaman kewangan maksimum bernilai RM300,000 atau lapan puluh peratus (80%) daripada nilai kontrak atau yang mana lebih rendah di bawah Program Skim Pembiayaan Kontraktor Kecil Bumiputera (SPKB) yang diurus oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) tertakluk kepada syarat – syarat yang ditetapkan dan dana yang sedia ada.
- 8.2 Bantuan mesin dan peralatan sehingga nilai RM20,000 untuk Kontraktor UPKJ Kelas E di bawah Program Peningkatan Usahawan Bumiputera (PUTERA) yang diurus oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan dana yang sedia ada serta kelulusan oleh Jawatankuasa Induk PUTERA.

## 9. INSENTIF PROGRAM

Selepas tiga (3) tahun menyertai program ini dan kontraktor yang menunjukkan prestasi yang memuaskan serta tiada *adverse reports*, kontraktor tersebut boleh dipertimbangkan untuk menerima insentif seperti berikut:-

- 9.1 Layak untuk dinaik taraf Kelas UPKJ sedia ada kepada Kelas yang lebih tinggi (tertakluk kepada permohonan dan persetujuan kontraktor).
- 9.2 Anugerah Cemerlang Kontraktor Berdaya Saing.

## 10. AGENSI PELAKSANA

Agensi pelaksana merujuk kepada Kementerian / Jabatan / Badan-Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan yang melaksanakan projek pembangunan / kerja di bawah peruntukan Kerajaan Negeri.

## 11. TANGGUNGJAWAB AGENSI PELAKSANA

- 11.1 Agensi pelaksana hendaklah menyenarai pendek projek-projek pembangunan fizikal untuk dicadangkan kepada Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor (JPPK) seperti berikut:-
  - (a) Projek Rancangan Malaysia (RMK),
  - (b) *Rural Transformation Project (RTP)*,
  - (c) Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS),
  - (d) Projek Rakyat dan seumpamanya.
- 11.2 Agensi pelaksana dikehendaki untuk memperuntukkan projek-projek yang dicadang untuk dilaksanakan di bawah PKBS dalam jadual perancangan perolehan tahunan.

## 12. JAWATANKUASA YANG TERLIBAT

### 12.1 Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera Negeri (JPBN)

12.1.1 Keahlian Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera Negeri (JPBN) adalah seperti berikut: -

Jawatan	Keahlian
<b>Pengerusi</b>	YB Timbalan Premier Merangkap Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru II dan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak
<b>Timbalan Pengerusi</b>	Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak (Pembangunan Infrastruktur)
<b>Ahli-Ahli</b>	Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak
	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (Perancangan Ekonomi dan Pembangunan)
	Setiausaha Tetap, Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak (MIPD) atau wakil
	Setiausaha Tetap, Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak (MUT) atau wakil
	Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Sarawak (EPU) atau wakil
	Pengarah, Unit Pemantauan Pelaksanaan Sarawak (SIMU) atau wakil
	Pengarah, Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) atau wakil
	Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) atau wakil
	Pengurus Besar, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) atau wakil
	Pengarah Perolehan, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (PSKN) atau wakil
<b>Ahli Bersekutu (jika dijemput)</b>	Ketua Jabatan atau Agensi Pelaksana yang berkaitan
	Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak (DID) atau wakil
	Pengarah, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB) atau wakil
<b>Sekretariat</b>	Unit Pembangunan Kontraktor dan Pembekal (UPKP), Bahagian Perolehan, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (PSKN)
<b>Kuorum</b>	Sekurang-kurangnya 5 orang ahli termasuk Pengerusi
<b>Kekerapan Bermesyuarat</b>	Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun

12.1.2 Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera Negeri (JPBN) berperanan untuk memantau pencapaian agensi pelaksana dalam pelaksanaan projek pembangunan dan menilai serta mencadangkan penambahbaikan dasar / polisi berkenaan penglibatan kontraktor Bumiputera dalam perolehan projek Kerajaan Negeri.

## 12.2 Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor (JPPK)

12.2.1 Keahlian Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor (JPPK) adalah seperti berikut:-

Jawatan	Keahlian
<b>Pengerusi</b>	Pengarah Bahagian Perolehan, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (PSKN)
<b>Ahli-Ahli</b>	Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Sarawak (EPU) atau wakil
	Pengarah, Unit Pemantauan Pelaksanaan Sarawak (SIMU) atau wakil
	Pengarah, Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) atau wakil
	Pengurus Besar, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) atau wakil
	Ketua Penolong Pengarah, Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) atau wakil
	Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) atau wakil
	Pengarah, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Wilayah Sarawak atau wakil
<b>Ahli Bersekutu (jika dijemput)</b>	Residen Bahagian yang berkaitan
	Pengarah, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB) atau wakil
	Pegawai Daerah yang berkaitan
<b>Sekreteriat</b>	Unit Pembangunan Kontraktor dan Pembekal (UPKP), Bahagian Perolehan, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (PSKN)
<b>Kuorum</b>	Sekurang-kurangnya 5 orang ahli termasuk Pengerusi
<b>Kekerapan Bermesyuarat</b>	Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun

12.2.2 Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mempertimbang dan meluluskan senarai projek dan skop projek yang dicadangkan oleh agensi pelaksana serta meluluskan senarai kontraktor PKBS.

12.3.4 Jawatankuasa ini turut berperanan untuk mengeluarkan surat tawaran kepada peserta yang berjaya.

## 12.3 Jawatankuasa Kontraktor Berdaya Saing (JKBS)

12.3.1 Keahlian Jawatankuasa Kontraktor Berdaya Saing (JKBS) adalah seperti berikut :-

Jawatan	Keahlian
Pengerusi	Residen / Timbalan Residen Bahagian
Ahli - Ahli	Jurutera Bahagian / Penolong Jurutera Bahagian, Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR)
	Jurutera Bahagian / Penolong Jurutera Bahagian, Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak (DID)
	Jurutera Air Bahagian / Penolong Jurutera Bahagian, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB)
	Pegawai Daerah yang berkaitan
	Setiausaha, Pihak Berkuasa Tempatan
Sekretariat	Pejabat Residen Bahagian
Kuorum	Sekurang-kurangnya 3 orang ahli termasuk Pengerusi
Kekerapan Bermesyuarat	Sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun

12.3.2 JKBS bertanggungjawab untuk memantau keseluruhan pelaksanaan program, menyediakan laporan penilaian dan mencadangkan penambahbaikan polisi program kepada Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera Negeri (JPBN).

12.3.3 JKBS berperanan untuk mencadangkan senarai kontraktor PKBS yang telah disenarai pendek kepada Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor (JPPK).

## 13. PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN

13.1 Pekeliling ini digunapakai khusus untuk pelaksanaan Program Kontraktor Berdaya Saing (PKBS) sahaja.

13.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri dan Tatacara Perolehan seperti berikut:

- (a) Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 05 / 2023 bertarikh 13 April 2023: Dasar Penyertaan Kontraktor Bumiputera Dalam Perolehan Kerja / Projek Pembangunan Yang Menggunakan Peruntukan Kerajaan Negeri.


- (b) Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 05 / 2021 bertarikh 20 September 2021: Tatacara Perolehan Bagi Bekalan / Perkhidmatan / Kerja Secara
- (i) Sebut Harga / Tender Terhad (*Restricted / Selective Quotation / Tender*).
  - (ii) Tender Pra-Kelayakan (*Pre – Qualification Tender*).
  - (iii) Awad Terus / Rundingan Terus (*Direct Award / Direct Negotiation*)

13.3 Sebarang pengecualian daripada peraturan di dalam Surat Pekeliling ini hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Setiausaha Kewangan Negeri secara bertulis.

13.4 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**




**( DATO SRI DR. WAN LIZOZMAN BIN WAN OMAR )**  
Setiausaha Kewangan Negeri  
SARAWAK

#### Lampiran

- s.k.:
1. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
  2. Pengarah, Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
  3. Pengarah, Audit Dalaman, Jabatan Premier Sarawak
  4. Akauntan Negeri, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

# MODEL PELAKSANAAN PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)

## CARTA ALIRAN PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)



**PETUNJUK**

- 1. JPBN - Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera Negeri
- 2. JKBS - Jawatankuasa Kontraktor Berdaya Saing
- 3. JPPK - Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor
- 4. SKN - Setiausaha Kewangan Negeri
- 5. PSKN - Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

# TATACARA DAN PROSES UTAMA PELAKSANAAN PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)

## BAHAGIAN I: TATACARA PEMILIHAN DAN SENARAI PENDEK KONTRAKTOR DAN PROJEK

---

### A. Tatacara Pemilihan dan Senarai Pendek Kontraktor

1. Program ini akan diiklankan di papan notis dan laman web di Pejabat Residen Bahagian/ Pejabat Daerah dan agensi pelaksana beserta dengan syarat-syarat permohonan. Contoh iklan rujuk pada **Lampiran B1**.
2. Borang Permohonan Penyertaan PKBS seperti di **Lampiran B2** dan Senarai Semak Dokumen seperti di **Lampiran B3**. Kontraktor yang dipilih menyertai program ini hendaklah memenuhi semua kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan senarai kontraktor akan disenarai pendek oleh Jawatankuasa Kontraktor Berdaya Saing (JKBS).
3. Kriteria-kriteria pemilihan kontraktor adalah seperti berikut:

#### 3.1 Pendaftaran Syarikat

- a) Berdaftar dengan UPKJ di bawah Bidang Kerja dari Kelas E dan D.
- b) Tempoh pendaftaran dengan UPKJ sekurang - kurangnya dua (2) tahun.
- c) Berdaftar di Daerah di mana projek tersebut dilaksanakan.

\*Nota: Sekiranya di Daerah tersebut kekurangan kontraktor maka kontraktor dari Daerah lain yang berdekatan di Bahagian yang sama boleh dipertimbangkan.

#### 3.2 Status Pemilikan Syarikat

- a) Mempunyai Sijil Status Bumiputera dari UPKJ.
- b) Ekuiti atau Modal dimiliki 100% Bumiputera (Perseorangan / Perkongsian/ Sendirian Berhad)
- c) Lembaga Pengarah Syarikat hendaklah 100% Bumiputera.

#### 3.3 Rekod Prestasi

- a) Tidak mempunyai *adverse reports* dengan UPKJ.
- b) Tidak mempunyai projek sakit bagi projek yang sedang dilaksanakan.
- c) Tidak mempunyai beban kerja semasa yang banyak (tidak melebihi lima (5) projek dalam satu tempoh tertentu).
- d) Projek dilaksanakan dan diurus sendiri oleh kontraktor tersebut.

- e) Kontraktor mempunyai kakitangan dan pasukan pengurusan mengikut keperluan projek.

#### 3.4 Syarat kelayakan modal minimum

Mempunyai modal minimum sekurang-kurangnya 5% daripada nilai Had Kewangan Pendaftaran UPKJ dalam Kelas masing-masing.

4. Permohonan penyertaan kontraktor akan dinilai oleh urus setia JKBS iaitu Pejabat Residen Bahagian. Setelah menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan, peserta akan ditemuduga oleh Jawatankuasa Kontraktor Berdaya Saing (JKBS).
5. Setelah berjaya dalam proses temuduga, Jawatankuasa Kontraktor Berdaya Saing (JKBS) akan menyenarai pendek kontraktor dengan menggunakan contoh format seperti di **Lampiran B4** untuk dikemukakan kepada JPPK untuk pertimbangan dan kelulusan.
6. Urus setia Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor (JPPK) akan mengeluarkan Surat Tawaran untuk menyertai Program selepas diluluskan oleh JPPK dengan menggunakan contoh format seperti di **Lampiran B6**. Kontraktor hendaklah mengembalikan Surat Setuju Terima dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat tawaran dikeluarkan dengan menggunakan contoh format seperti di **Lampiran B7**.
7. Sekiranya kontraktor bersetuju menyertai program ini, mereka wajib menghadiri kursus/ latihan sepenuh masa dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja. Modul-modul kursus adalah seperti berikut:
  - a) Syarat Penyertaan Sebut Harga/ Tender
  - b) Kaedah Mengisi Dokumen Sebut Harga/ Tender
  - c) Penyediaan Anggaran Kos
  - d) Pengurusan Kontrak
  - e) Pengurusan Projek
  - f) Pengurusan Kewangan; dan
  - g) Modul kursus/ latihan yang berkaitan.

Kontraktor boleh dikecualikan jika pernah menghadiri kursus yang serupa atau memiliki kelayakan profesional dalam bidang pembinaan. Walau bagaimanapun kontraktor yang telah dipilih dan bersetuju menyertai PKBS dikehendaki menghadiri dua (2) kursus wajib iaitu Pengurusan Projek dan Pengurusan Kewangan.

## **B. Tatacara Pemilihan dan Senarai Pendek Projek**

1. Skop projek merangkumi:
  - a) Kontrak kerja pembinaan (Bangunan / Kejuruteraan).
  - b) Nilai kontrak kerja dari RM200,000 hingga RM2.5 juta.
  - c) Tempoh kontrak kerja tidak melebihi 18 bulan.
2. Agensi pelaksana dikehendaki mengemukakan cadangan senarai projek beserta sumber peruntukan / jumlah peruntukan ke Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dengan menggunakan contoh format seperti di **Lampiran B5**.
3. Agensi pelaksana akan memberi senarai, skop dan kos projek kepada Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor (JPPK). Senarai projek boleh didapati dari:
  - a) Projek Rancangan Malaysia (RMK)
  - b) *Rural Transformation Project* (RTP)
  - c) Sistem Maklumat Rekod - Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS)
  - d) Projek Rakyat dan seumpamanya.

## BAHAGIAN II: TATACARA PEROLEHAN

1. Kaedah perolehan yang digunakan untuk pelaksanaan Program Kontraktor Berdaya Saing (PKBS) adalah melalui **Tender Terhad** mengikut Kelas dan Kepala (*Head*) yang berkaitan.
2. Kaedah perolehan ini digunapakai supaya projek kerja di bawah program ini dapat dilaksanakan pada kadar segera, telus dan teratur.
3. Kaedah Tender Terhad

### 3.1 Had Kewangan

Nilai perolehan kontrak kerja di bawah program ini ialah dari RM200,000 sehingga RM2.5 juta.

### 3.2 Syarat - syarat perolehan adalah seperti berikut:

- a) Penyertaan dihadkan kepada kontraktor Bumiputera tempatan yang mempunyai lesen pendaftaran yang sah dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dalam Bidang Kerja, Kelas dan Kepala yang berkaitan di Daerah di mana projek tersebut dilaksanakan.
- b) Skop dan anggaran kos setiap projek disediakan oleh agensi pelaksana yang berkenaan.
- c) Had kewangan, Kelas dan Kepala yang dibenarkan adalah seperti berikut:

Had Kewangan (RM)	Kelas	Penyertaan Mengikut Kepala ( <i>Head</i> ) Pendaftaran	Had Minimum Modal Yang Diperlukan
Melebihi RM200,000 sehingga RM1 juta	E	Dihadkan Kepada Kepala ( <i>Head</i> ) Yang Berkaitan Mengikut Skop Projek	RM50,000
Melebihi RM1 juta sehingga RM3 juta	D		RM150,000

### Nota :

- i. Modal minimum adalah jumlah modal dalam bentuk aset mudah cair seperti berikut:
  - a) Nilai positif purata baki akhir bulanan dalam penyata bank bagi tiga (3) bulan terakhir;
  - b) Deposit tetap; dan
  - c) Baki kemudahan kredit dan nilai kemudahan kredit tambahan yang akan diperolehi sekiranya projek yang berkaitan ditawarkan kepada kontraktor berkenaan.

4. Agensi pelaksana akan mengeluarkan Surat Pelawaan menyertai Tender Terhadap kepada kontraktor yang berjaya dengan menggunakan contoh format seperti di **Lampiran B8**.
5. Tempoh pelawaan Tender Terhadap adalah sekurang-kurangnya empat belas (14) hari berturut-turut dan melibatkan sekurang-kurangnya lapan (8) kontraktor dari Daerah / Bahagian di mana projek tersebut dilaksanakan.
6. Bagi semua Kementerian dan Jabatan Negeri, Pembukaan Tender akan dibuka oleh **Jawatankuasa Pembukaan Tender Bahagian Negeri**. Manakala, bagi Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri, Tender akan dibuka oleh **Jawatankuasa Pembuka Tender Agensi masing-masing**.
7. Penilaian Tender akan dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Tender agensi pelaksana masing-masing dan wakil Residen Bahagian boleh dijemput sebagai Ahli-Ahli Bersekutu (jika perlu).
8. Pertimbangan dan kelulusan Tender untuk Program Kontraktor Berdaya Saing (PKBS) akan dipertimbang dan diputuskan oleh **Lembaga Tender Bahagian Negeri (LTBN)** yang berkenaan mengikut Tatacara Perolehan yang sedang berkuatkuasa.

### **BAHAGIAN III: TATACARA PEMANTAUAN DAN PELAPORAN PROGRAM**

---

1. Agensi pelaksana bertanggungjawab sepenuhnya memantau pelaksanaan projek dan prestasi kontraktor secara berkala.
2. Agensi pelaksana dikehendaki menyediakan laporan prestasi kontraktor kepada Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) melalui sistem '*Contractors and Consultants Registration and Rating System (CoRRIS)*'.
3. Agensi pelaksana dikehendaki mengemukakan Laporan Kemajuan Projek kepada Jawatankuasa Kontraktor Berdaya Saing (JKBS) dengan menggunakan contoh format seperti di **Lampiran B9**.
4. Jawatankuasa Kontraktor Berdaya Saing (JKBS) akan mengemukakan Laporan Status Pelaksanaan Program kepada Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera Negeri (JPBN) sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun dengan menggunakan contoh format seperti di **Lampiran B10**.

**PROSES DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA PELAKSANAAN PROGRAM  
KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)**

BIL.	PROSES	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN
1.	Menyenarai pendek Senarai Kontraktor	Jawatankuasa Kontraktor Berdaya Saing (JKBS)	<p>Jawatankuasa Kontraktor Berdaya Saing (JKBS) dikehendaki:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat tapisan atau saringan senarai kontraktor yang telah menghantar Borang Penyertaan seperti di <b>Lampiran B2</b> dan Senarai Semak di <b>Lampiran B3</b>.</li> <li>• Menyenarai pendek kontraktor yang telah ditapis dengan menggunakan contoh format seperti di <b>Lampiran B4</b>.</li> <li>• Menemuduga kontraktor yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.</li> <li>• Kontraktor yang disenarai pendek wajib memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.</li> </ul>	<b>Lampiran B2, B3 dan B4</b>
2.	Menyenarai Pendek Projek	Agensi Pelaksana	<p>Agensi Pelaksana dikehendaki:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapatkan Senarai Projek yang telah diluluskan pada tahun semasa.</li> <li>• Mengemukakan cadangan senarai pendek projek, skop dan kos projek dengan menggunakan contoh format seperti di <b>Lampiran B5</b>.</li> </ul>	<b>Lampiran B5</b>
3.	Meluluskan Senarai Kontraktor dan Projek	Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor (JPPK)	<p>Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor (JPPK) bertanggungjawab meluluskan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Senarai Kontraktor yang telah disenarai pendek dan ditemuduga oleh JKBS</li> <li>• Senarai dan Skop projek yang telah disenarai pendek oleh Agensi Pelaksana.</li> </ul>	<b>Lampiran B4 dan B5.</b>

BIL.	PROSES	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN
4.	Mengeluarkan Surat Tawaran dan Surat Setuju Terima kepada kontraktor yang dipilih	Jawatankuasa Pemilihan Projek dan Kontraktor (JPPK)	Urus setia JPPK dikehendaki mengeluarkan Surat Tawaran Penyertaan Program kepada kontraktor yang berjaya dipilih dengan menggunakan contoh format seperti di <b>Lampiran B6</b> dan Surat Setuju Terima Tawaran Program dengan menggunakan contoh format seperti di <b>Lampiran B7</b> .	<b>Lampiran B6 dan B7</b>
5.	Menghadiri Kursus / Latihan untuk Kontraktor	Urus setia Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri	Para peserta yang bersetuju menyertai program ini wajib menghadiri Kursus / Latihan selama sepuluh (10) hari.	
6	Kelulusan Menyertai Tender Terhad	Setiausaha Kewangan Negeri	Agensi Pelaksana hendaklah membuat penilaian dan perakuan kontraktor bagi tujuan Tender Terhad.  Agensi Pelaksana hendaklah mengenalpasti sekurang-kurangnya lapan (8) kontraktor dan mengemukakan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk kelulusan dengan merujuk <b>Lampiran A2</b> di bawah <b>Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 05/2021</b> bertarikh 20 September 2021	<b>Sila rujuk Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 05/2021 bertarikh 20 September 2021</b>

BIL.	PROSES	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN
7.	Pelawaan dan Penilaian Tender	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Agensi Pelaksana</li> <li>• Jawatankuasa Penilaian Tender Agensi Pelaksana</li> </ul>	<p>Agensi Pelaksana dikehendaki mengeluarkan Surat Pelawaan Tender Terhadap dengan menggunakan contoh format seperti di <b>Lampiran B8</b> kepada kontraktor yang berjaya dan bersetuju menyertai PKBS.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh pelawaan tender adalah selama 14 hari berturut-turut.</li> <li>• Melibatkan sekurang-kurangnya lapan (8) kontraktor dari Daerah / Bahagian yang sama.</li> </ul> <p>Jawatankuasa Penilaian Tender Agensi Pelaksana dikehendaki menilai tender dan menjemput wakil Residen Bahagian sebagai Ahli-ahli Bersekutu (jika perlu).</p>	<b>Lampiran B8</b>
8.	Pertimbangan Tender	Lembaga Tender Bahagian Negeri	Lembaga Tender Bahagian Negeri (LTBN) akan mempertimbang dan meluluskan Tender di peringkat Bahagian masing-masing.	
9.	Pelaksanaan dan Pemantauan Projek	Agensi Pelaksana	Agensi Pelaksana dikehendaki memantau prestasi kontraktor yang berjaya diwad serta melapor status projek yang dilaksanakan oleh kontraktor terbabit.	
10.	Penyiapan dan Laporan Prestasi Kontraktor kepada JKBS	Agensi Pelaksana	<p>Agensi Pelaksana dikehendaki melapor prestasi kontraktor kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Unit Pendaftaran dan Juruperunding (UPKJ) melalui sistem '<i>Contractors and Consultants Registration and Rating System (CoRRIS)</i>'.</li> <li>• Jawatankuasa Kontraktor Berdaya Saing (JKBS) dengan menggunakan contoh format seperti di <b>Lampiran B9</b>.</li> </ul>	<b>Lampiran B9</b>

BIL.	PROSES	TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	LAMPIRAN
11.	Laporan Pelaksanaan Dan Penilaian Program	Jawatankuasa Kontraktor Berdaya Saing (JKBS)	Jawatankuasa Kontraktor Berdaya Saing (JKBS) dikehendaki mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program kepada Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera Negeri (JPBN) dengan menggunakan contoh format seperti di <b>Lampiran B10</b> sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.	<b>Lampiran B10</b>
12.	Penambahbaikan Polisi	Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera Negeri (JPBN)	Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera Negeri (JPBN) akan menambahbaik polisi sedia ada mengikut keperluan semasa.	

CONTOH IKLAN PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN  
NEGERI SARAWAK  
DAN  
PEJABAT RESIDEN BAHAGIAN

# PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)

**KONTRAKTOR BUMIPUTERA  
SARAWAK**

**KURSUS SELAMA 2 MINGGU  
SIJIL PENYERTAAN**

**OBJEKTIF PROGRAM**

Membangunkan keupayaan dan kompetensi kontraktor Bumiputera serta melahirkan Kontraktor Bumiputera tempatan yang tulen dan berdaya saing.

**PENDAFTARAN**

Berdaftar dengan UPKJ selama sekurang- kurangnya dua (2) tahun dalam Bidang Kerja Kelas E dan D.

**MODAL**

Mempunyai modal minimum sekurang-kurangnya 5% daripada nilai had kewangan pendaftaran UPKJ dalam kelas masing-masing.



## BORANG PERMOHONAN PENYERTAAN PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)



### BORANG PERMOHONAN PENYERTAAN PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)

#### 1) MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON

Nama Pemohon				Sila Letakkan <b>GAMBAR TERBARU</b> Berukuran Pasport Di Sini
No Kad Pengenalan				
Bangsa		Agama		
Tarikh Lahir		Umur		
Warganegara		Status	Bujang / Berkahwin / Janda / Duda	
Taraf Pendidikan				
Bidang Kelulusan Pendidikan (Sila Lampirkan Sijil Pendidikan Tertinggi / Sijil Kemahiran)				
Alamat Surat - Menyurat				
No. Telefon / HP		Emel		

#### 2) UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)

Nama Syarikat				
Bidang Pendaftaran (Sila Tanda ✓ )	<input type="checkbox"/> Kerja	Kelas Pendaftaran		
	<input type="checkbox"/> Bekalan dan Perkhidmatan	Kepala / Sub-kepala		
Tempoh Berdaftar Dengan UPKJ (Tahun) (Sila Tanda ✓ )	<input type="checkbox"/> 1 Tahun	Tarikh Berdaftar Lesen UPKJ		
	<input type="checkbox"/> 2 Tahun	Tarikh Sah Laku Pendaftaran UPKJ		
	<input type="checkbox"/> 3 Tahun dan ke atas	Memiliki Sijil Status Bumiputera UPKJ (Sila Tanda ✓ )	<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak
		Tarikh Sah Laku Status Bumiputera		

**3) LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)**

Gred Pendaftaran		Tarikh Sah Laku Pendaftaran	
Kategori dan Pengkhususan			
No. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)			
No. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (Jika Ada)		No. Sijil Taraf Bumiputera (Jika Ada)	

**5) SENARAI PROJEK KERJA YANG LEPAS (SILA LAMPIRKAN SURAT TAWARAN PROJEK)**

Bil	Nama Projek	Kos (RM)	Tempoh	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Agensi Pelaksana
1						
2						
3						
4						
5						

**5) SENARAI PROJEK KERJA SEMASA (SILA LAMPIRKAN SURAT TAWARAN PROJEK)**

Bil	Nama Projek	Kos (RM)	Tempoh	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Agensi Pelaksana
1						
2						
3						
4						
5						

## 6) KURSUS YANG PERNAH DIHADIRI

### A) KURSUS KEMAHIRAN/ KOMPETENSI (JIKA ADA)

Bil	Nama Kursus	Tarikh	Tempoh	Tempat	Anjuran
1					
2					
3					
4					
5					

### B) KURSUS GENERIK (JIKA ADA)

Bil	Nama Kursus	Tarikh	Tempoh	Tempat	Anjuran
1					
2					
3					
4					
5					

## 6) PERAKUAN PEMOHON

Dengan ini saya:

1. Mematuhi segala peraturan-peraturan atau syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Program Kontraktor Berdaya Saing (PBKS).
2. Mengakui bahawa semua maklumat dan butiran yang diberikan adalah benar.
3. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri berhak membatalkan permohonan ini tanpa sebarang alasan secara lisan atau bertulis sekiranya didapati terdapat maklumat dan butiran yang tidak benar.

.....  
Nama :  
Tarikh :

### NOTA:

- Pemohon hendaklah mengisi kesemua maklumat-maklumat yang tertera di atas.
- Sila sertakan salinan dokumen-dokumen yang berkenaan mengikut Senarai Semak seperti di Lampiran B3.

**SENARAI SEMAK SALINAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN UNTUK  
MENYERTAI PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)**

**SENARAI SEMAK SALINAN DOKUMEN**

Sila pastikan salinan dokumen - dokumen di bawah dikepilkan bersama Borang Permohonan Penyertaan Kontraktor Berdaya Saing (PKBS).

BIL	DOKUMEN	TANDAKAN (✓)
1	Salinan Kad Pengenalan Pemohon	
2	Salinan Sijil Pendidikan Tertinggi (SRP / SPM / Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Master / PhD)	
3	Salinan Lesen Perniagaan (SSM / LHDN / Pejabat Daerah)	
4	Salinan Lesen Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)	
5	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)	
6	Salinan Lesen CIDB - Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)	
7	Salinan Lesen CIDB - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (Jika Ada)	
8	Salinan Penyata Akaun Bank Syarikat (Untuk 3 Bulan Terkini)	
9	Salinan Penyata Caruman KWSP Pekerja (Jika Ada)	
10	Salinan Surat Tawaran Projek telah dilaksanakan atau sedang dilaksanakan (Jika Ada)	
11	Salinan Sijil - Sijil Kursus Yang Dihadiri (Jika Ada)	

**CADANGAN SENARAI PENDEK KONTRAKTOR / SYARIKAT BAGI PROGRAM  
KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)**

Daerah : .....

Bahagian : .....

BIL.	NAMA KONTRAKTOR / SYARIKAT	KELAS PENDAFTARAN UPKJ	KEPALA (HEAD)	TEMPOH SAH LAKU UPKJ
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				

**\*Nota : Jika ruangan tidak mencukupi, sila kepilkan senarai tambahan dengan helaian tambahan bersama borang ini**

Disediakan oleh Urus Setia JKBS	:	_____	Disahkan oleh Pengerusi JKBS	:	_____
Nama & Cop Jawatan	:	_____	Nama & Cop Jawatan	:	_____
Tarikh	:	_____	Tarikh	:	_____

**SENARAI PENDEK PROJEK KERJA YANG DICADANGKAN DI BAWAH  
PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)**

Daerah : .....

Bahagian : .....

Agensi Pelaksana : .....

**SENARAI PROJEK KERJA/ FIZIKAL YANG BERNILAI DARI RM200,000.00 HINGGA RM2,500,000.00**

BIL.	NAMA PROJEK	SKOP PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	SUMBER PERUNTUKAN	KOS PROJEK (RM)
1					
2					
3					
4					
5					
6					
7					
8					
9					
10					
<b>JUMLAH KOS KESELURUHAN (RM)</b>					

Tandatangan Ketua  
Jabatan Agensi Pelaksana:

.....

Tarikh:

.....

Cop Rasmi Jabatan:

## SURAT TAWARAN PENYERTAAN PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)

Nama Kontraktor / Syarikat

Alamat

**PER: SURAT TAWARAN PENYERTAAN DALAM PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan tuan / puan .....**(NAMA INDIVIDU)**..... ditawarkan untuk menyertai PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING bagi tahun ..... Ini berdasarkan keupayaan syarikat tuan / puan memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut:
  - (a) Rekod prestasi yang baik
  - (b) Tidak mempunyai beban kerja semasa melebihi lima (5) projek dalam satu masa.
  - (c) Projek telah dilaksana atau diuruskan sendiri.
  - (d) Mempunyai minimum modal sekurang-kurangnya 5% daripada nilai had kewangan berdasarkan Kelas Pendaftaran UPKJ.
  
3. Sehubungan itu, tuan / puan adalah dijemput untuk menghadiri **kursus wajib selama 10 hari** yang merangkumi modul-modul seperti berikut:
  - (a) Syarat Penyertaan Sebut Harga / Tender
  - (b) Kaedah Mengisi Dokumen Sebut Harga / Tender
  - (c) Penyediaan Anggaran Kos
  - (d) Pengurusan Kontrak
  - (e) Pengurusan Projek
  - (f) Pengurusan Kewangan; dan
  - (g) Modul Kursus / Latihan yang berkaitan

Tujuan kursus ini adalah untuk memberi pendedahan serta membangunkan keupayaan dan kompetensi kontraktor Bumiputera melalui program pembangunan khusus dan berstruktur.
  
4. Yuran kursus, makan dan minum semasa kursus serta penginapan bagi peserta yang datang dari luar kawasan tempat kursus adalah ditanggung oleh Unit Pembangunan Kontraktor dan Pembekal (UPKP) tertakluk kepada syarat-syarat yang akan ditetapkan.
  
5. Sekiranya tuan / puan bersetuju, sila kembalikan **SURAT SETUJU TERIMA TAWARAN** seperti di **LAMPIRAN B7** kepada urus setia dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat ini diterima. Tawaran ini dianggap **TERBATAL** dengan sendirinya sekiranya tempoh tujuh (7) hari di atas tidak dipatuhi.
  
6. Kami berharap dengan penyertaan tuan / puan dalam program ini dapat meningkatkan prestasi dan membantu tuan / puan menjadi kontraktor yang lebih berjaya.

Sekian. Terima kasih.

**'BERSATU BERUSAHA BERBAKTI'**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**

( PENERUSI, JAWATANKUASA PEMILIHAN PROJEK DAN KONTRAKTOR )

**SURAT SETUJU TERIMA TAWARAN MENYERTAI PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)**

UNIT PEMBANGUNAN KONTRAKTOR DAN PEMBEKAL  
PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI  
TINGKAT 5, WISMA SATOK  
JALAN SATOK, 93400 KUCHING  
SARAWAK

**PER: SURAT SETUJU TERIMA TAWARAN MENYERTAI PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dengan ini saya **bersetuju / tidak bersetuju** menyertai **Program Kontraktor Berdaya Saing (PKBS)** yang ditawarkan kepada saya mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

3. Saya juga **bersetuju / tidak bersetuju** untuk menyertai dan menamatkan Kursus / Latihan dan kehadiran sepenuhnya selama sepuluh (10) hari bekerja.

Sila tandakan ( X ) di petak yang berkenaan:

Bersetuju menyertai PKBS

Tidak bersetuju menyertai PKBS (sila nyatakan alasan)

.....

Nama Peserta :  
No Kad Pengenalan :  
Nama Syarikat :  
No Telefon (HP) :

4. Saya berjanji akan mengikuti program ini dengan penuh komited dan dedikasi.

Sekian, terima kasih.

(Nama Penuh)

Tarikh: .....

Cop Syarikat: .....

## CONTOH SURAT PELAWAAN TENDER TERHAD

Nama & Alamat Kontraktor

---

Ruj. Kami:

Tarikh:

Tuan/Puan,

**JEMPUTAN PELAWAAN TENDER TERHAD BAGI KONTRAK KERJA DI BAWAH PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS) DI BAHAGIAN ..... SESI / SIRI NO ..... TAHUN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa firma / syarikat tuan / puan telah disenarai pendek untuk menyertai ..... bagi kerja / projek seperti senarai yang dilampirkan.
3. Sekiranya pihak tuan / puan berminat untuk menyertai projek tersebut yang bersesuaian dengan kelayakan lesen syarikat, tuan / puan dikehendaki merujuk atau mendapatkan maklumat projek (Spesifikasi / BQ / Lukisan) daripada Agensi Pelaksana iaitu .... **Nama Agensi Pelaksana** bermula pada **Tarikh (Hari)**...
4. Pihak tuan / puan juga dikehendaki untuk mengemukakan senarai projek yang ingin disertai dan maklumat kewangan (Had Minimum Modal) dengan menggunakan contoh format seperti di Lampiran ..... (Format seperti di Lampiran A3) ..... Lampiran (Format seperti di Lampiran A4).
5. Senarai projek yang ingin disertai dan maklumat kewangan (had Minimum Modal) hendaklah dikembalikan kepada Agensi Pelaksana berkenaan selewat-lewatnya pada **Tarikh/ Hari/ Masa**...
6. Sehubungan itu, firma / syarikat tuan / puan adalah dijemput untuk menyertai ..... bagi kerja/ projek tersebut yang dijadualkan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh :  
Masa :  
Tempat :

**'BERSATU BERUSAHA BERBAKTI'**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**

( AGENSI PELAKSANA )

## LAPORAN PRESTASI KONTRAKTOR PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)

### A. MAKLUMAT KONTRAKTOR

Nama Syarikat/ Firma :

No Lesen Pendaftaran (UPKJ):

Jenis Perolehan :

Tajuk Kerja :

Kos Projek :

Kos Sebenar :

Tarikh Mula Kerja :

Tarikh Siap Sebenar:

Tarikh Siap Kerja :

### B. PENILAIAN KERJA

Sila jawab bagi kategori yang berkenaan berdasarkan skala berikut:

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Memuaskan	Tidak Memuaskan	Memuaskan	Baik	Sangat Baik

BIL	KRITERIA	SKALA MARKAH PENILAIAN					SKOR
		5 Sangat Baik	4 Baik	3 Memuaskan	2 Tidak Memuaskan	1 Sangat Tidak Memuaskan	
1.	<b>Pengurusan dan Pengawasan Tapak Bina</b>	Menguruskan tapak dengan sangat baik	Menguruskan tapak dengan baik	Menguruskan tapak dengan baik. Terdapat masalah yang minor	Menguruskan tapak dengan baik tetapi terdapat masalah yang major.	Tidak mengurus tapak dengan baik.	
2.	<b>Memenuhi Spesifikasi / Skop Kerja</b>	Melebihi spesifikasi utama yang ditetapkan	Mengikut spesifikasi yang ditetapkan	Mengikut spesifikasi ditetapkan dengan sedikit ketidakpatuhan spesifikasi sekunder	Gagal mematuhi spesifikasi utama	Gagal mematuhi spesifikasi utama dan sekunder	
3.	<b>Tempoh Siap</b>	Disiapkan sebelum tamat tempoh pembinaan	Disiapkan tepat pada masa	Disiapkan dengan kelewatan kurang 5% tempoh asal	Disiapkan dengan kelewatan melebihi 5% tempoh asal	Gagal disiapkan (penamatan) / pelantikan pihak ketiga	
4.	<b>Menepati Kualiti dan Kemasan Kerja</b>	Melebihi kualiti dan kemasan yang ditetapkan	Menepati kualiti dan kemasan yang ditetapkan	Menepati kualiti dan kemasan dengan sedikit kecacatan	Gagal menepati kualiti dan kemasan keatas item utama	Gagal menepati kualiti dan kemasan keatas keseluruhan projek	

5.	<b>Pematuhan Syarat-syarat Kerja, Akta dan peraturan i.e : OSHE/PTW</b>	Melebihi syarat-syarat pemuatan yang ditetapkan	Menepati syarat-syarat pemuatan yang ditetapkan	Sesekali tidak menepati syarat-syarat pemuatan yang ditetapkan	Kerap tidak menepati syarat-syarat pemuatan yang ditetapkan	Sentiasa tidak menepati syarat-syarat pemuatan yang ditetapkan	
6.	<b>Komitmen Bersama Kumpulan Projek</b>	Sentiasa proaktif dan mematuhi arahan kumpulan projek.	Sentiasa mematuhi arahan kumpulan projek	Sesekali tidak mematuhi arahan kumpulan projek	Sukar mematuhi arahan kumpulan projek	Tidak mematuhi arahan kumpulan projek	
7.	<b>Keupayaan Kontraktor dari segi modal kerja &amp; peralatan yang digunakan</b>	Sentiasa bersedia dan peralatan mencukupi	Sentiasa memenuhi dan memberi	Berkemahiran menggunakan peralatan dan teknologi	Kekurangan modal kerja dan peralatan	Tidak menyediakan keperluan projek	
8.	<b>Maklum Balas/ Respon Terhadap Aduan/ Teguran</b>	Sentiasa proaktif dalam memberi maklum balas	Sentiasa memberi maklum balas	Sesekali tidak memberi maklum balas	Kerap kali tidak memberi maklum balas	Sentiasa tidak memberi maklum balas	
<b>JUMLAH MARKAH</b>							
<b>PERATUS MARKAH: _____ / 35 X 100%</b>							

**PETUNJUK PRESTASI**

<b>&gt; 90%</b> Sangat Baik/ Terbaik	<b>75% - &lt;90%</b> Baik	<b>60% - &lt;75%</b> Sederhana	<b>50% - &lt;60%</b> Tidak Memuaskan	<b>&lt;50%</b> Sangat Tidak Memuaskan
---	------------------------------	-----------------------------------	---	--

Sokongan/Ulasan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tandatangan Penilai Penyelaras Projek : \_\_\_\_\_ Disahkan Oleh Pegawai : \_\_\_\_\_

Nama & Cop Jawatan : \_\_\_\_\_ Nama & Cop Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

## LAPORAN PELAKSANAAN DAN PENILAIAN PROGRAM KONTRAKTOR BERDAYA SAING (PKBS)

<b>Nama Projek</b>	:			
<b>Tarikh</b>	:			
<b>Daerah</b>	:		<b>Bahagian</b>	:
<b>Agensi Pelaksana</b>	:			

### RINGKASAN PROGRAM

<b>Kumpulan Sasaran</b>	:			
<b>Kelas Pendaftaran</b>	:			

### PENILAIAN PROGRAM

#### Kekuatan Program

Bil	Butiran	Ulasan
A	Keberkesanan Hasil Kerja	
B	Kemampuan Kontraktor (Kewangan / Tenaga Kerja Teknikal / Buruh / Pengurusan)	
C	Penyediaan Mesin / Peralatan Projek / Bahan Binaan	

#### Kelemahan Program

--	--

#### Cadangan Penambahbaikan

--	--

Disediakan oleh Agensi Pelaksana:

Disahkan oleh Agensi Pelaksana:

\_\_\_\_\_  
(Nama & Jawatan)

-----  
(Nama & Jawatan)

Tarikh:

Cop Jabatan: